



KENANGAN...CK Chua (berdiri empat dari kanan) bersama AJK Penganjur Expo Keusahawanan PPIB.

PPIB UMS-KAL anjur UB 22/3/2011 86 Expo Keusahawanan

LABUAN: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) akan menganjurkan Expo Keusahawanan kali pertama di pekarangan Dewan Utama UMS-KAL pada 24 – 27 Mac 2011.

Penyelaras program, CK Chua, berkata pogram empat hari itu bertujuan untuk mendedahkan pelajar tentang pengurusan

perniagaan secara praktikal, menyediakan satu platform untuk mahasiswa untuk mengekspresasikan idea perniagaan mereka.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk membangunkan bakat pelajar dari segi percakapan dan mendirikan satu identiti korporat serta bersikap lebih proaktif yang dapat diaplikasikan pada masa depan.

“Program ini juga dapat

mendedahkan kepada orang ramai mengenai aktiviti yang bermanfaat yang dianjurkan oleh pelajar UMS-KAL,” katanya.

Sebanyak 48 gerai akan menjual pelbagai jenis perniagaan seperti makanan, minuman, barang perhiasan, permainan dan fotografi yang dikendalikan oleh pelajar Tahun Dua Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan

(SPKAL) UMS-KAL.

Sehubungan itu, Chua mengalu-alukan kehadiran warga Labuan terutama ahli koperasi sekolah menengah untuk membeli dan meluaskan pengetahuan tentang perniagaan.

Selain jualan, program tersebut turut dimeriahkan dengan ceramah motivasi dan seminar kerjaya manakala gerai berkenaan akan bermula dari pukul 9 pagi hingga 10 malam.